

Pelacur warga asing didenda dan diusir

MIRI: Seorang wanita warga asing didenda RM4,000 atau lima bulan penjara oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam setelah mengaku bersalah atas tuduhan terlibat kegiatan pelacuran.

Mahkamah turut memerintahkan tertuduh dirujuk ke Jabatan Imigresen untuk tujuan pengusiran.

Thanida dari Thailand, telah didakwa mengikut

Seksyen 372B Kanun Keseksaan yang boleh membawa hukuman penjara hingga setahun atau denda atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Menurut keterangan kes, tertuduh didapati telah mencari langganan bagi tujuan persundalan dengan menawarkan perkhidmatan seks kepada seorang lelaki berusia 28 tahun.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu pada jam 12.30 pagi, 4 Februari lalu di sebuah pusat spa dan refleksologi di Pusat Komersial Bintang Jaya, Jalan Bintang di sini.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Muhamad Ali Hussain di hadapan Majistret Randu Rangen manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.